



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/9/27-1 (20)  
Tarikh : **20** Disember 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI KEDAH, PERLIS DAN PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya diarahkan untuk merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 bagi agensi-agensi di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N36 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N36 pada 31 Disember 2015 dan sebelum;
- 2.2 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N36 berubah ke tarikh 1 Januari 2016 dan seterusnya;
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) tidak kurang 80%;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.8 Tidak bersara wajib atau memilih bersara pilihan dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.9 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

.../2

3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti yang disertakan dan hanya calon yang bersedia untuk penempatan bagi agensi di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuhan ini.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA sebelum atau pada 20 Januari 2020 di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2** dikemukakan kepada JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- |   |   |              |
|---|---|--------------|
| i. Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos<br>(e-mel : <a href="mailto:yusleli.yunos@jpa.gov.my">yusleli.yunos@jpa.gov.my</a> ) | - | 03-8885 4351 |
| ii. Encik Ilyia Izzat bin Mat Rashid<br>(e-mel : <a href="mailto:izzat.rashid@jpa.gov.my">izzat.rashid@jpa.gov.my</a> )   | - | 03-8885 4171 |

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**

Timbalan Pengarah  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia  
☎ : 03-8885 4110  
✉ : [zulkefley.sabri@jpa.gov.my](mailto:zulkefley.sabri@jpa.gov.my)